



## Konsep Ta'dib Menurut Pandangan Sarjana Pendidikan Islam [The Concept of the Ta'dib According to Islamic Educational Scholars]

Mior Mohd Mizan Mior Pi<sup>1</sup>

Rahimah Embong<sup>1\*</sup>

Kasimah Kamaruddin<sup>1</sup>

Firdaus Khairi Abdul Kadir<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat pendidikan Asas dan Liberal, Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

\*rahimahembong@unisza.edu.my

**Received Date:** 10 January 2019

**Accepted Date:** 3 February 2019

### **Abstract**

*Education inherited from the past until nowaday is Western-based education aimed at creating responsible citizens. However, Islam has promoted an education based on the concept of ta'dib a long time ago. Initially, ta'dib is the process of educating that mainly focuses on the formation and perfection of morals of Muslim personality. There are many different views related this concept of ta'dib among Islamic educational scholars such as al-Attas, Imam Al-Ghazali and Ibn Sina. This article will explore their background as well as their views regarding this educational concept of ta'dib.*

**Keywords:** Educational Concept, Ta'dib, Islamic educational scholars, Holistic Education

### **Abstrak**

*Pendidikan yang diwarisi dari dahulu hingga kini merupakan pendidikan yang berteraskan Barat yang bertujuan untuk melahirkan warganegara yang bertanggungjawab. Walaubagaimapun Islam telah lama mempromosikan pendidikan berdasarkan konsep ta'dib. Secara asasnya, Ta'dib ialah salah satu kaedah pendidikan yang menumpukan kepada pembentukan dan penyempurnaan akhlak peribadi seorang Muslim. Terdapat pelbagai pandangan berkaitan ta'dib dalam kalangan sarjana pendidikan Islam seperti al-Attas, Imam Al-Ghazali dan Ibnu Sina. Makalah ini*

25

**Cite as:** Mior Mohd Mizan Mior Pi, Rahimah Embong, Kasimah Kamaruddin & Firdaus Khairi Abdul Kadir. (2019). Konsep Ta'dib Menurut Pandangan Sarjana Pendidikan Islam [The Concept of the Ta'dib According to Islamic Educational Scholars]. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 1(1), 25-32. Open Acces: <http://ajocs.com>



akan meneroka secara ringkas latar belakang dan pandangan mereka terhadap konsep pendidikan ta'dib ini.

**Kata kunci:** Konsep pendidikan, Ta'dib, Sarjana Pendidikan Islam, Pendidikan Holistik

## Pendahuluan

Pendidikan yang ada sekarang adalah pendidikan yang diasaskan oleh sistem sekular penjajah, iaitu sistem yang memisahkan agama dan nilai-nilainya dari pendidikan akal dan jasmani. Manakala pendidikan kerohanian tidak lebih daripada menyampaikan fakta-fakta untuk dihafal tapi tidak menghidupkan jiwa dan hati (El-Muhammady, 1991).

Setiap sistem pendidikan mempunyai matlamatnya yang tersendiri. Maka selaras dengan matlamat akhir pendidikan dalam tamadun barat untuk melahirkan warganegara yang bertanggungjawab (responsible citizen). Hal ini berbeza dengan matlamat dan teras utama konsep pendidikan Islam adalah untuk melahirkan insan yang baik (*good man*) atau insan yang sempurna (*insan al-kamil*) dan seimbang atau manusia yang adil sifatnya (Asmaa, 2012).

Sarjana pendidikan Islam telah menegaskan bahawa pra-syarat untuk cemerlang di dunia dan akhirat adalah kembali kepada ajaran yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah. Malangnya, pandangan sarjana Islam mengenai pendidikan Islam telah diabaikan akibat daripada penguasaan elemen Barat dan idea-idea moden. Justeru, menjadi satu keperluan mendesak bagi orang Islam masakini untuk mengkaji pandangan dan sumbangan sarjana pendidikan Islam sebelum ini. (Sakinah & Rahimah, 2017).

Demi melahirkan seorang Muslim yang seimbang dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek, maka perlu diterapkan pendekatan ta'dib dalam diri seseorang. Hal ini disebabkan, ta'dib merupakan pendidikan adab yang bertunjangkan dua konsep utama iaitu ilmu dan amal dalam melahirkan seorang insan yang berakhlik mulia yang patuh dalam melaksanakan ketaatan kepada perintah Allah SWT demi mencapai kebahagiaan di dunia dan Akhirat (Rusliza, 2015).

Menurut Ibn Manzur (1966) dan al-Fairuz Abadi (1997), kalimah *ta'dib* merupakan kata terbitan daripada *addaba* iaitu '*allama*'. *Ta'dib* berasal dari *addaba* yang bermaksud '*allama*' iaitu mendidik seseorang cara beradab atau dengan sifat beradab. Menurut Mahmud Yunus (1990), kalimat *ta'dib* memberi maksud salah satu kaedah didikan yang menumpukan kepada pembentukkan dan penyempurnaan akhlak peribadi seorang Muslim. Kita boleh fahami maksud ini daripada pengertian sudut bahasa dengan budi pekerti, moral dan etika



yang seerti dengan akhlak. Jadi *ta'dib* dan akhlak tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. *Ta'dib* adalah proses pendidikan ke arah penyempurnaan budi pekerti sebagaimana hadis nabi yang menujukkan bahawa diutuskan nabi adalah sebagai untuk menyempurnakan akhlak ummah.

Tiga tokoh pemikir telah dikenal pasti bagi menjelaskan pandangan mereka mengenai *ta'dib*. Tiga tokoh tersebut terdiri daripada Imam al-Ghazali, Ibnu Sina dan Syed Muhammad Naquib al-Attas. Ketiga-tiga tokoh tersebut mewakili zaman masing-masing iaitu al-Ghazali dan Ibnu Sina mewakili pendidikan zaman klasik, manakala Syed Muhammad Naquib Al-Attas mewakili zaman moden.

### **Imam al-Ghazali**

Beliau ialah Muhammad bin Muhammad Abu Hamid al-Ghazali yang dilahirkan di Tusia Bandar Khurasan pada tahun 450H (1058M). Beliau dibesar dan diasuh oleh seorang guru tasawuf dan setelah mencapai umur dewasa al-Ghazali berhijrah ke Nisapur berguru dengan Imam al-Haramain sehingga menguasai pelbagai bidang ilmu iaitu fiqh mazhab Syafi'i, mantiq dan falsafah. Imam al-Ghazali adalah pengarang sebuah kitab yang dikenali sebagai *Ihya' Ulum al-Din* atau dikenali dengan *ihya' al-Ghazali*. Kitab ini secara keseluruhannya memfokuskan tentang pendidikan (al-Ghazali, 2005).

Menurut Imam al-Ghazali (1998:99) *ta'dib* berasal daripada kalimah adab yang bermaksud mengeluarkan tenaga dalaman yang tersembunyi dan secara semula jadinya cenderung kepada hakikat kebenaran supaya diaplikasikan dalam bentuk tindakan atau tingkah laku. Beliau juga menafsirkan adab itu sebagai pendidikan diri jasmani dan rohani (*ta'dib al-zahir wal batin*) yang merangkumi empat perkara iaitu percakapan, amalan, akidah dan niat seseorang.

Menurut al-Ghazali (1976), konsep *ta'dib* merupakan proses mendisiplinkan kedua-dua aspek mental dan fizikal manusia. Selain itu, penguasaan ilmu pengetahuan dan perubahan sahsiah juga amat penting untuk membentuk akhlak yang baik. Al-Ghazali turut menyatakan *ta'dib* sama seperti ladang yang perlu dibersihkan supaya tanaman dapat tumbuh dengan segar. Manusia pula diumpamakan seseorang yang dilahirkan suci bersih perlu dibimbing melalui pendidikan supaya berkembang dan berfungsi dalam kehidupan. Pendidikan bukan setakat perkembangan fizikal malah akhlak dan kesopanan yang tinggi juga perlu dititikberatkan dalam menjalani kehidupan sehari-hari (Ruszila, 2015).

Namun demikian, dalam keterbatasan ruang penekanan hanya diberikan kepada adab pengajar (guru) dan pelajar menurut imam al-Ghazali. Beliau memberi perhatian yang berat kepada guru, yang pada waktu itu disebut *muaddib*. Walaupun pada asalnya gelaran



*muaddib* itu merujuk kepada guru-guru yang ditugaskan mendidik kepada anak-anak raja, amir dan wazir pada zaman itu, tetapi kemudiannya istilah *muaddib* menjadi sebutan masyarakat umum diberikan guru pada waktu itu. Al-Ghazali sangat menekankan pendidikan berkaitan akhlak. Menurutnya untuk memperoleh akhlak yang baik ada empat syarat iaitu; berilmu, mengawal amarah, mengawal syahwat dan keadilan (Asmaa, 2012).

### Ibnu Sina

Beliau ialah al-Rais Abu Ali Al-Husayn bin Abd Allah bin al-Hasan bin Ali bin Sina al-Hakim yang dilahirkan pada tahun 980 Masihi di Afsyna, Bukhara dan meninggal ketika berusia 58 tahun iaitu pada tahun 1037 Masihi di Hamadzan (Abu al-Abbas Ahmad, 1998). Ibnu Sina dibesarkan di tempat kelahirannya dan beliau sering berpindah daripada satu negeri ke negeri yang lain untuk menuntut ilmu. Ketika berumur 10 tahun, beliau dikenali sebagai seorang yang memiliki kecerdikan yang luar biasa dengan mendalamai ilmu al-Quran, adab, usuluddin, dan matematik (Abuddin Nata, 2003). Selain itu beliau mendalamai ilmu perubatan serta mengkaji kitab-kitab berkaitan perubatan. Sebelum mencapai usia 16 tahun, beliau sudah menguasai ilmu perubatan, sehingga banyak orang yang datang kepadanya untuk berguru. Beliau menguasai ilmu perubatan ini secara teori dan praktikal (Aan Rukmana, 2013). Kitab beliau yang terkenal iaitu Qanun fi at-Tibb menjadi rujukan dalam bidang ilmu perubatan (Zulhilmi et al, 2008).

Pemikiran Ibn Sina tentang pendidikan tertumpu kepada falsafah ilmu. Ibn Sina telah membahagikan ilmu kepada dua, iaitu ilmu yang kekal dan ilmu yang tidak kekal. Berdasarkan tujuannya, maka ilmu dibahagi menjadi ilmu yang praktikal dan yang teoretikal. Ilmu teoretikal seperti ilmu sains, matematik dan ilmu ketuhanan manakala ilmu yang praktikal adalah ilmu akhlak, ilmu pengurusan rumah dan ilmu shari'ah.

Selanjutnya Ibn Sina membahagikan tahap pendidikan kepada dua bahagian iaitu:

- Tahap Umum: Pada tahap ini anak dilatih untuk mempersiapkan diri dari sudut akal, jasmani dan jiwanya contohnya mereka diajar ilmu membaca, menulis segala ilmu yang berkaitan dunia dan ukhrawi.
- Tahap Khusus: Pada tahap ini mereka dilatih untuk melakukan secara praktikal berkaitan dengan amalan seharian. Hal ini disebabkan, tidak memadai dengan memiliki rasa ingin tahu sahaja tetapi harus berlatih secara berterusan. Ibnu Sina lebih menjurus kepada mengikut bakat-bakat yang sesuai dengan kemampuan dan minat anak didiknya (Samsul Ulum dan Triyo Supriyatno, 2006).

Dalam mengetengahkan konsep pendidikan, Ibn Sina sangat menekankan pada pendidikan akhlak. Hal ini disebabkan, pada ketika itu suasana dan sosial politik memang



sangat membimbangkan. Tambahan pula, fitnah yang berluasa sehingga berlakunya kekacauan politik dan pertentangan aliran-aliran mazhab melanda umat Islam. Ini menunjukkan bahawa rosaknya akhlak kaum Muslimin. Oleh yang demikian, baik secara langsung maupun tidak langsung telah mempengaruhi pemikiran Ibnu Sina tentang pendidikan (Ramayulis & Samsul Nizar, 2005).

Ibnu Sina (1982) telah menggunakan istilah *ta'dib* untuk merujuk kepada pendidikan, malah proses untuk melahirkan insan beradab ini seharusnya bermula seawal usia seseorang bayi itu menyempurnakan tempoh penyusuannya. Anak-anak perlu diasuh dengan adab-adab yang telah di amalkan oleh Rasulullah S.A.W sehingga mereka mencapai usia *mumayyiz* iaitu akal mereka dapat membezakan antara yang baik dan buruk. Sakinah & Rahimah (2017) menjelaskan Ibn Sina berpendapat di peringkat awal kehidupan manusia, *ta'dib* berkait dengan pembentukan watak kanak-kanak yang diajar supaya berdisiplin sejak menyusu yang merupakan langkah pertama dalam pembelajaran akhlak dan adab mereka. Maka peranan ibu dalam membentuk sahsiah kanak-kanak dan memberi pendidikan awal sangat signifikan

### Syed Muhammad Naquib al-Attas

Beliau ialah Syed Muhammad Naquib ibn 'Ali ibn 'Abdullah ibn Muhsin al-Attas, dilahirkan di Bogor, Jawa Barat pada 5 September 1931. Ketika di Bogor, beliau mendapat didikan awal dari keluarganya berkaitan ilmu-ilmu Islam. Seterusnya, beliau mendalamai dan mengembangkan ilmu bahasa, sastera, dan kebudayaan Melayu ketika di Johor . Syed Naquib al-Attas merupakan satu-satunya pemikir dan sarjana di rantau alam Melayu yang banyak menyumbang tenaga fikirnya dalam pemahaman mengenali pendidikan. Beliau telah menghasilkan puluhan rencana dan buku mengenai falsafah pendidikan dan hal-hal yang berkaitan epistemologi (Wan Mohd Nor, 2005).

Menurut al-Attas (1979), pendidikan adalah penyemaian dan penanaman adab dalam diri seseorang yang digelar sebagai *ta'dib*. Inilah yang menjadi intipati matlamat pendidikan beliau. Konsep adab dalam konteks pendidikan merangkumi aspek; adab terhadap diri sendiri, adab terhadap sesama ahli keluarga, adab terhadap ilmu, adab terhadap alam dan adab terhadap bahasa yang semuanya berkesudahan dengan wujudnya sistem nilai akhlak Islam pada setiap aspek kehidupan. Manakala contoh manusia yang paling beradab ialah Nabi Muhammad S.A.W ini diakui oleh sarjana Muslim lain yang menyebutnya sebagai manusia sempurna (*al-insan al-kulliy*).

Menurut al-Attas (1979) lagi, konsep *ta'dib* adalah yang paling tepat digunakan untuk pendidikan Islam sekiranya difahami dengan baik, bukannya tarbiah ataupun *ta'lim*. al-Attas (1979) menegaskan bahawa struktur konsep *ta'dib* sudah mengandungi unsur-unsur ilmu



(‘ilm), pengajaran (ta’lim), dan penyuburan yang baik (tarbiyah). Walaupun al-Qur'an tidak menggunakan kata akar adab tetapi perkataan adab digunakan dalam kata-kata Nabi S.A.W, para sahabat R.A, puisi ataupun karya cendikiawan Muslim selepas zaman mereka.

Menurut al-Attas (1979) konsep *ta’dib* dalam pendidikan menjadi amat penting diberi penekanan dan keutamaan memandangkan masyarakat Islam hari ini menghadapi gejala keruntuhan akhlak terutama di kalangan remaja Islam. Menurut beliau sebab keruntuhan akhlak di kalangan umat Islam ialah kerana kurang adab bukannya kerana tiada ilmu pengetahuan.

Konsep *ta’dib* yang dipelopori al-Attas merupakan suatu gagasan pendidikan dalam Islam yang bermatlamat untuk melahirkan seseorang yang mempunyai kepintaran dari sudut intelektual serta bertunjangkan moral dan agama dalam melaksanakan kewajibannya. Hal ini dapat dilihat konsep *ta’dib* telah mencakupi konsep ilmu dan amal. Dalam konsep ini dijelaskan bahawa setelah seseorang mengetahui mengenai ilmu tersebut, seterusnya digalakkan untuk beramal dengan ilmunya dengan baik dalam kalangan masyarakat berdasarkan nilai-nilai moral dalam ajaran Islam yang telah dipelajari (Rusliza, 2015).

## **Kesimpulan**

Ketiga-tiga tokoh yang dipilih mewakili zaman tradisional dan moden yang membincangkan berkaitan konsep pendidikan iaitu *ta’dib*. Tokoh-tokoh tersebut terdiri daripada Imam al-Ghazali dan Ibnu Sina mewakili zaman tradisional manakala al-Attas zaman moden. Maka hasil daripada pandangan tokoh-tokoh tersebut menunjukkan pendekatan *ta’dib* amat sesuai dengan matlamat falsafah pendidikan kebangsaan yang bertujuan melahirkan insan yang kamil atau insan adabi. Ini kerana menurut al-Attas, konsep *ta’dib* sudah mengandungi unsur-unsur ‘ilm, ta’lim dan tarbiah. al-Ghazali juga menegaskan konsep *ta’dib* merupakan proses mendisiplinkan kedua-dua aspek mental dan fizikal manusia. Selain itu, penguasaan ilmu pengetahuan dan perubahan sahsiah juga amat penting untuk membentuk akhlak yang baik. Seterusnya, Ibnu Sina menekankan bahawa proses untuk melahirkan insan beradab ini seharusnya bermula seawal usia seseorang bayi itu menyempurnakan tempoh penyuannya.

## **Penghargaan / Acknowledgment**

Setinggi penghargaan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Universiti Sultan Zainal Abidin.



## Rujukan / References

- al-Quran al-Karim.
- Aan Rukmana. 2013. *Ibn Sina Sang Ensiklopedik, Pemantik Pijar Peradaban Islam*. Jakarta : Dian Rakyat.
- Abu al-Abbas Ahmad b. Muhammad b. Khallikan. 1998. *Wafay al-A'yan wa Anba al-Zaman*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Abuddin Nata. 2003. *Pemikiran Para Tokoh Pendidikan Islam, Suatu Kajian Filsafat Pendidikan Islam*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Asmaa Mohd. Arshad. 2012. Konsep ta'dib: Teras Falsafah Pendidikan Islam. Dalam Mohd. Zaidi Ismail & Ghazali Basri. *Falsafah Pendidikan Islam Huraian Konsep dan Aplikasi*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1979. *Aims and Objectives of Islamic Education*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- al-Fairuz Abadi, Majdu al-Din Muhammad bin Yaakob (1997). *Al-Qamus al-Muhit*. Cet Pertama: Dar al-Ihya al-Turath al-Arabi Muassasah al-Tarikh al-Arabi.
- al-Ghazali (1998). *Rawdat al-Talibin fi Majmu at-Rasail al-Imam al-Ghazali*. Beirut : Darul al-Fikr
- al-Ghazali. 1976. *Ihya' Ulum Al Din*. Jil. 4. Cairo: Mu'assassa Al-Halabi Wa Sharaka Li'l-Nashr Wa'l-Tawzi.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 2005. *Ihya' Ulum al-Din*. Kaherah: Dar al-Tauzi wa al – Nasyr al-Islamiyyah.
- Ibnu Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din Mohammad bin Makram. 1966. *Lisan al-Arab*.Beirut: Dar Beirut.
- Ibn Sina. 1982. *Kitab al-Siyasah*. Alexandria:Muasasah Ahabab al-Jamiah.
- El-Muhammadiy, Abdul Halim. 1991. *Pendidikan Islam Falsafah, Disiplin Dan Peranan Pendidik*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.
- Mahmud Yunus. 1990. *Metodik Khusus Pendidikan Agama*. Jakarta: Hidakarya Agung.
- Rusliza Othman. 2015. Pendekatan Ta'dib Dalam Menangani Emosi Pelajar Akibat Krisis Keluarga. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Ramayulis & Samsul Nizar. 2005. *Ensiklopedi Tokoh Pendidikan Islam*. Ciputat: Quantum Teaching.
- Sakinah Salleh & Rahimah Embong. 2017. Educational Views of Ibnu Sina. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. 2 (1), 13-24. journal.kuis.edu.my/jurnal-al-irsyad/vol-2-no-1/2.IBN-SINA.
- Samsul Ulum & Triyo Supriyatno (2006). *Tarbiyah Qur'aniyah*. Malang: UIN Press.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2005. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Zulhilmi Mohamed Nor, Nidzamuddin Zakaria& Syed Najihuddin Syed Hassan. 2008. Sumbangan Ilmuwan Islam Terpilih dalam Sektor Berkaitan Pertanian. *Kertas kerja Seminar Kebangsaan Kecemerlangan Tamadun Islam dalam Agro, Sains dan Teknologi*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.